



LBS RAI ULANG TAHUN KE-65 DENGAN HARGAI PELANGGAN MELALUI KEMPEN “SCORE MORE THAN A HOME”

Petaling Jaya, 16 April 2026 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, meraikan ulang tahun ke-65 dengan pelancaran kempen pemilikan rumahnya, “Score More Than a Home”. Kempen ini direka untuk meraikan impian dan pencapaian pembeli rumah yang membentuk perjalanan dan kejayaan yang dilakar LBS hari ini. Pada dasarnya, kempen ini turut menjadi platform untuk menzahirkan penghargaan kepada para pemilik rumah dan sebagai sebahagian daripada sambutan ini, LBS menawarkan pelbagai insentif menarik serta hadiah cabutan bertuah bernilai tinggi, dengan hadiah utama berupa pengalaman bola sepak eksklusif di England yang tidak dapat dilupakan.

Hadiah utama tersebut merangkumi perjalanan lima hari empat malam untuk dua orang ke England yang ditanggung sepenuhnya, termasuk tiket penerbangan pergi dan balik, penginapan, lawatan eksklusif ke stadium, serta tiket perlawanan Liga Perdana Inggeris. Ia bukan sekadar sebuah perjalanan—tetapi satu pengalaman yang penuh keterujaan, semangat dan kenangan sepanjang hayat, membawa pemenang merasai sendiri suasana bola sepak paling mengujakan di dunia.

Selain hadiah utama, para peserta juga berpeluang memenangi pelbagai ganjaran bermakna termasuk jersi bola sepak bertandatangan, pinggan emas edisi terhad, baucar pelancongan, baucar runcit, serta pakej perabot terpilih yang direka untuk membantu pemilik rumah menjadikan kediaman mereka sebuah ruang yang selesa untuk didiami.

Lebih daripada sekadar sebuah kempen, “Score More Than a Home” mencerminkan kepercayaan LBS bahawa pemilikan rumah adalah sesuatu yang amat peribadi. Selama lebih enam dekad, Kumpulan ini bukan sahaja membina rumah, malah mewujudkan komuniti di mana setiap pembangunan menjadi asas kepada kisah-kisah yang bakal dicipta.

Kempen yang bermula dari 1 April sehingga 31 Julai 2026 ini merangkumi beberapa pembangunan terpilih LBS, termasuk SkyRia, Astella, Aulica, KITA Sejati, KITA Avenue, Prestige dan Centrum Iris.

Mengulas mengenai pencapaian ini, Tan Sri Dato’ Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS berkata, “Pencapaian 65 tahun ini bukan sekadar meraikan sejarah kami, malah merupakan penghargaan kepada individu yang telah membentuk perjalanan kami. Melalui kempen ini, kami berhasrat untuk mempertingkatkan pengalaman pemilikan rumah dengan mencipta nilai yang bermakna, seiring usaha kami membina masa depan bersama dan memupuk komuniti di mana keluarga berkembang maju. Buat pertama kalinya, kami memperkenalkan hadiah utama yang luar biasa, sebuah pengalaman bola sepak di England yang tidak dapat dilupakan, sekaligus membawa tahap keterujaan baharu kepada kempen ini serta menawarkan peluang sekali seumur hidup kepada para pemilik rumah untuk merealisasikan impian bola sepak mereka dan mencipta kenangan yang berkekalan.”

LBS menggalakkan bakal pemilik rumah untuk merebut peluang ini bagi memulakan lembaran baharu—yang dipenuhi harapan, pencapaian dan kebanggaan memiliki sebuah kediaman.

Untuk mengetahui perkembangan pembangunan LBS, layari <https://lbs.com.my/>, dan untuk maklumat lanjut mengenai kempen “Score More Than a Home”, layari <https://lbs.com.my/65celebration/> atau muat turun aplikasi mudah alih Hello by LBS.

~Tamat~